**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: www.skmm.gov.my

# Kenyataan Media
Press Release

**Untuk Siaran Segera**

## SKMM MENJELASKAN ISU STESEN RADIO STAR RFM

Cyberjaya, 20 Ogos 2010 – Berikutan beberapa aduan yang telah diterima oleh SKMM berkenaan program pagi oleh sebuah stesen radio, Star RFM Sdn Bhd (98.8 FM) sedang disiasat oleh SKMM bagi kesalahan melanggar peraturan di bawah syarat-syarat lesen. SKMM telah memaklumkan stesen berkenaan tentang aduan-aduan yang telah diterima.

Star RFM Sdn Bhd memegang lesen Pemberi Perkhidmatan Aplikasi Kandungan Individu (CASP-I) yang menggariskan pematuhan syarat-syarat lesen seperti yang termaktub di dalam lesen. Ini termasuk larangan pemberian kandungan yang bersifat sensitif dan boleh mengganggu sentimen mana-mana kaum atau agama di negara ini.

Sehubungan itu, SKMM telah menerima beberapa aduan berkenaan kandungan yang telah disiarkan pada 13 Ogos 2010 oleh stesen radio yang dikendalikan oleh Star RFM Sdn Bhd yang mungkin mempunyai kandungan bersifat sensitif dan boleh mengganggu sentimen mana-mana kaum atau agama di negara ini.

Oleh kerana itu, SKMM telah menilai aduan tersebut dan siasatan telah dimulakan ke atas stesen radio berkenaan. Tujuan siasatan diadakan adalah untuk membuktikan jikalau terdapat kesalahan pelanggaran

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000
W: www.skmm.gov.my

syarat lesen yang telah dilakukan oleh stesen berkenaan.Setelah tamat siasatan kelak, kertas siasatan akan dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya.

Sebarang keputusan berdasarkan hasil siasatan akan dimaklumkan kelak berdasarkan undang-undang di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998) atau undang-undang lain yang boleh digunapakai.

SKMM mengambil berat pematuhan syarat-syarat lesen oleh pemegang lesen agar syarat-syarat ini sentiasa dipatuhi pada masa akan datang. Isu berkaitan pekerja-pekerja pemegang lesen adalah perkara dalaman organisasi terbabit (stesen radio tersebut) yang bukan di bawah bidang kuasa SKMM dan SKMM tidak boleh membuat sebarang komen mengenainya. Sebarang tindakan yang diambil oleh SKMM adalah berdasarkan syarat lesen bagi setiap stesen radio dan undang-undang di bawah AKM 1998 atau undang-undang lain yang boleh digunapakai.

[Tamat]

---

**Nota kepada Editor:**

[1] Sekiranya organisasi anda ingin memetik kenyataan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk sesuatu artikel mahupun bahan berita, petikan tersebut haruslah merujuk kepada SKMM sebagai sebuah organisasi dan bukan mana-mana pegawai SKMM melainkan sekiranya jurucakap rasmi SKMM ada dinyatakan di dalam kenyataan akhbar atau sebarang maklumbalas rasmi kepada media. Harap maklum. Terima kasih.

**Kawalselia Kandungan**

# Kenyataan Media
## Press Release

Salah satu peranan utama SKMM adalah untuk memastikan bahawa penyedia-penyedia perkhidmatan aplikasi kandungan menyokong matlamat dasar kebangsaan Kerajaan untuk sektor komunikasi dan multimedia, seperti yang telah digariskan dalam Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998. Dalam erti kata lain, kandungan- kandungan yang dihasilkan haruslah memaparkan kebudayaan, identiti dan nilai-nilai sosial Malaysia yang kaya dengan kepelbagaian dan sejarah.

Dalam aspek ini, SKMM bertanggungjawab menyelia rangka kerja kawal selia bagi percantuman sektor telekomunikasi, industri penyiaran dan aktiviti-aktiviti dalam talian, bagi memastikan perkhidmatan-perkhidmatan dan kandungan-kandungan yang disediakan adalah bersesuaian dan berkualiti, di samping memenuhi aspirasi nasional serta keperluan kesemua lapisan masyarakat Malaysia.

Suruhanjaya mengambil pendekatan serampang empat mata dalam pengawalseliaan kandungan, iaitu pemantauan kandungan, pengurusan aduan, inisiatif-inisiatif media baru dan pengukuhan mekanisme kawal selia kendiri.

Pemantauan kandungan merupakan satu aktiviti yang sentiasa dijalankan oleh Suruhanjaya secara berterusan bagi memastikan pematuhan terhadap syarat-syarat pelesenan dan standard kandungan, serta Kod Kandungan oleh Pemberi Perkhidmatan Aplikasi Kandungan (CASP) dan juga Pemberi Perkhidmatan Aplikasi (ASP) yang berkaitan. Perkhidmatan-perkhidmatan yang dipantau oleh Pusat Pemantauan Kandungan termasuklah rancangan-rancangan televisyen atau radio oleh perkhidmatan-perkhidmatan penyiaran tradisional, serta perkhidmatan-perkhidmatan terbaru seperti penerbitan dan perkhidmatan maklumat dalam talian.

Di samping pemantauan, Suruhanjaya juga mengambil tindakan ke atas aduan-aduan yang diterima mengenai kandungan seperti iklan-iklan, kandungan dalam talian dan kandungan mudah alih. Antara tindakan yang diambil ialah melakukan pemantauan lebih lanjut, menilai dan mengambil tindakan penguatkuasaan, serta menyediakan laporan mengenai perkara-perkara yang menyentuh kepentingan awam berhubung standard dan keberkesanan dasar kandungan dan kod-kod yang berkaitan.

Memandangkan sesetengah aspek industri kandungan berangkaian terletak di bawah skop kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang lain, peranan Suruhanjaya juga

# Kenyataan Media
## Press Release

turut merangkumi kerjasama dan koordinasi dengan kementerian-kementerian dan agensi yang berkaitan. Ini bagi memastikan pengawalseliaan dan penguatkuasaan yang berkesan, serta dasar-dasar yang jelas mengenai pelaksanaan dan penguatkuasaan rangka kerja kawal selia. Beberapa kementerian dan agensi kerajaan penting yang terlibat dalam industri ini ialah Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK), Kementerian Dalam Negeri (MoHA), Kementerian Kesihatan (MoH), Lembaga Penapisan, Forum Kandungan dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).

SKMM juga melibatkan diri dalam jawatankuasa-jawatankuasa antara agensi yang berkait dengan pemantauan dan pengawalseliaan kandungan seperti Jawatankuasa Penyelarasan Pemantauan Siaran TV dan Radio Awam dan Swasta (JKPPSTRAS) yang diketuai oleh KPKK. SKMM juga merupakan pemerhati dalam Lembaga Pengiklanan Perubatan, yang diketuai oleh Kementerian Kesihatan. Tindakan penguatkuasaan juga telah diambil terhadap pelanggaran manamana syarat pelesenan, serta pelanggaran Seksyen 211 dan 233 di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998 bagi kandungan-kandungan yang dilarang dalam persekitaran berangkaian

**Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)**

SKMM adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (AKM) yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. SKMM mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga perkhidmatan Internet, pos dan pensijilan digital.

AKM mengadakan peruntukan kepada SKMM peranan melaksanakan dasar, manakala kuasa membuat keputusan tentang dasar diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.
Untuk maklumat lanjut, layari www.skmm.gov.my

Untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:
Zeti Marziana Muhamed
Pengarah, Jabatan Komunikasi Korporat
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Wan Seri Rahayu Wan Mohd Said

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: www.skmm.gov.my

# Kenyataan Media
## Press Release

Jabatan Komunikasi Korporat

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

T: +603 8688 8000

F: +603 8688 1007

E: ccd@cmc.gov.my